



Rajah (tengah) wakil masyarakat Chetti Melaka berkongsi mengenai seni potret makanan.

Oleh M. IRSYAD

SENI lukisan potret makanan di pusat beli-belah seni GMBB di Kuala Lumpur (KL) baru-baru ini memamerkan pengetahuan tentang makanan warisan masyarakat Chetti di Melaka. Pameran anjuran The Rojak Projek yang bertajuk *Pameran Seni Potret Makanan Chetti* itu mengetengahkan karya yang diilhamkan daripada masakan dan bahan makanan, dokumentasi video serta penyelidikan masyarakat Chetti.

Diasaskan dan diketuai oleh Lim Sheng Feiyan, ruang tersebut satu inisiatif sosial kepada mereka yang ingin berdiskusi atau berkongsi pendapat mengenai perpaduan dan kepelbagaiannya terhadap pameran tersebut.

Malah, The Rojak Projek turut berpeluang bekerjasama dengan dua kumpulan minoriti di Malaysia iaitu komuniti Ukit/Bhuket (penenun rotan) dari Sarawak dan Chetti dari Melaka.

Projek berkenaan turut disokong oleh Yayasan Hasanah bagi membolehkan informasi yang ada dikongsikan dengan pengunjung. Selain itu, mempromosikan budaya dan cerita makanan mereka bersama masyarakat setempat.

#### Simbol cinta

"Makanan adalah simbol cinta untuk kata-kata yang tidak dapat diungkapkan."

"Bahkan, makanan kita sangat popular. Makanan sentiasa menjadi isyarat kedamaianan membolehkan kita duduk, makan dan menikmatinya. Perbezaan inilah menjadikan kita unik," kata Lim.

Kesemua seni lukisan Chetti diinspirasikan daripada makanan yang pernah dimakan, dibungkus dan didokumentasikan. Kemudian, ia menjadikan deria bau dan rasa sebagai aspek penting untuk pengunjung memahami elemen tersebut melalui lukisan yang dipaparkan. Chetti Melaka merupakan komuniti kecil kaum India berasal dari Panai Koromandel iaitu sebuah daerah terletak di wilayah persisiran sebe-

## Potret makanan warisan Chetti

Sebanyak 30 potret yang dipamerkan adalah ilham daripada masakan masyarakat Chetti.

lah tenggara Semenanjung India. Mereka adalah keturunan pedagang India yang berkahwin dengan wanita tempatan dengan mengekalkan agama, budaya, adat resam, masakan dan tradisi selama 600 tahun.

Sebelum pameran berlangsung, Lim dan pasukan telah mengadakan lawatan ke Wen's Kitchen di Melaka untuk mengendalikan bengkel kebudayaan. Program tersebut memperkenalkan peserta dari Kuala Lumpur dan Amerika Syarikat kepada komuniti Chetti. Kira-kira 30 potret makanan dihasilkan dan dijadikan sebagai gambar.

"Kami dapat banyak manfaat dari pada sesi bengkel di Melaka dan teruja untuk menyaksikan pameran di Kuala Lumpur yang penuh dengan warna. Potret makanan adalah cara terbaik untuk memperkenalkan makanan Chetti Melaka."

Usaha melibatkan generasi muda untuk mencipta karya seni ini adalah satu inisiatif baik. Ia adalah salah satu cara orang ramai dapat mengetahui budaya lain," kata wakil Chetti Melaka, Rajah Jan, 70, yang melawat pameran tersebut.



Antara gambar yang dipamerkan pada *Pameran Seni Potret Makanan Chetti* di GMBB di Kuala Lumpur.

## Menarik minggu ini

### New Year Bike Gathering

Acara berkumpul sambil menunggang motosikal di sekitar Kuala Lumpur.

- 31 Disember 2023
- 2-5 petang
- Kantin, Setor Gombak, Jalan Gombak, Kuala Lumpur



### Kejohanan Permainan Kad One Piece

Perlawan kad permainan kartun dan komik animasi Jepun One Piece.

- 31 Disember 2023
- 1 petang
- Tingkat 3 (mezzanine), pusat beli-belah Mid Valley, Kuala Lumpur



### KL New Year Run 2024

Meraikan ulang tahun ke-9 KL New Year Run 2024 untuk kategori maraton 21km.

- 1 Januari 2024
- 7 pagi
- Dataran Merdeka, Kuala Lumpur

